

Datuk Bandar KL Kata "Tidak" Kepada Bersih 4.0
Bernama
21 Mei, 2012

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBK) tidak akan memberi kebenaran kepada kumpulan peniaga yang mahu membuka pasar malam di hadapan kediaman Pengerusi Bersama Bersih Datuk S Ambiga di Bukit Damansara di sini, pada Khamis dan Jumaat ini.

Datuk Bandar Tan Sri Ahmad Fuad Ismail berkata berdasarkan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, seseorang itu tidak dibenar mencero boh kawasan orang lain, justeru kumpulan yang menggelar diri "Bersih 4.0" mesti batalkan hasrat mereka.

"Mereka mesti memohon kebenaran kami tetapi kami tidak akan benarkan. Orang buat silap...kita jangan ikut. Kalau semua orang ikut buat salah dan tidak endahkan undang-undang apa akan jadi kepada negara kita," katanya kepada pemberita selepas melancarkan sayap baharu Hotel Impiana KLCC, di sini Isnin.

Semalam, sekumpulan 60 peniaga dilapor merancang mengadakan pasar malam di hadapan kediaman Ambiga bagi mengaut semula kerugian mereka akibat perhimpunan anjuran Ambiga dan disokong pembangkang di ibu kota pada 28 April lepas.

Kumpulan itu juga dilapor akan tetap membuka gerai di kawasan terbabit jika permohonan permit mereka ditolak.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=667617>